

BAB KEEMPAT

PENGANALISAAN DATA

4.0 PENGENALAN

Sebanyak 10 buah sekolah telah dipilih sebagai sampel kajian bagi menjawab persoalan-persoalan yang menjadi tumpuan utama penulis. Seramai 200 orang pelajar dijadikan responden untuk kajian ini di mana 20 orang pelajar dipilih dari setiap 10 buah sekolah kajian. Sekolah-sekolah tersebut mewakili sekolah-sekolah di kawasan-kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar Negeri Kelantan.

Sekolah-sekolah tersebut termasuklah Sekolah Menengah Zainab dan Sekolah Menengah Tanjung Mas yang terletak di bandar Kota Bharu, Sekolah Menengah Wakaf Bharu yang terletak di daerah Tumpat, Sekolah Menengah Panglima Raja dan Sekolah Menengah Chetok yang terletak di daerah Pasir Mas, Sekolah Menengah Kebangsaan Machang di daerah Machang, Sekolah Menengah Tanah Merah dan Sekolah Menengah Alor Pasir di daerah Tanah Merah, manakala Sekolah Menengah Ayer Lanas dan Sekolah Menengah Jeli yang terletak di daerah Jeli.

Daripada kajian yang dibuat oleh penulis 10 buah sekolah yang menjadi sampel kajian tujuh daripadanya adalah sekolah-sekolah yang mempunyai program pengajian komputer. Program pengajian komputer ini adalah merangkumi pengajian khas Literasi Komputer

oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang dijadikan sebagai satu mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah terpilih dan juga pengajian komputer yang dianjurkan oleh Kelab Komputer sekolah sendiri.

Walau bagaimanapun kajian penulis akan menumpukan kepada minat pelajar terhadap program pengajian komputer yang dianjurkan oleh kelab komputer sekolah yang melibatkan pelajar dari pelbagai tingkatan dan sebaliknya tidak merangkumi program Literasi Komputer oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tujuh buah sekolah yang mempunyai program pengajian komputer ialah Sekolah Menengah Zainab, Sekolah Menengah Tanjong Mas, Sekolah Menengah Panglima Raja, Sekolah Menengah Chetok, Sekolah Menengah Kebangsaan Machang, Sekolah Menengah Tanah Merah dan Sekolah Menengah Ayer Lanas. Manakala tiga buah sekolah yang tidak mempunyai program pengajian komputer dan masih dalam proses untuk mengadakannya ialah Sekolah Menengah Wakaf Bahru, Sekolah Menengah Alor Pasir dan Sekolah Menengah Jeli. Jadual di bawah menunjukkan bilangan sekolah yang mempunyai program pengajian komputer dan tidak mempunyai program pengajian komputer/kelab komputer.

Bilangan Sekolah Yang Mempunyai Program Komputer dan Tidak ada Komputer.

JADUAL 5

Sekolah-sekolah	Bil	Peratus
Sekolah yang ada program pengajian komputer/ kelab komputer	7	70
Sekolah yang tidak ada program pengajian komputer/kelab komputer	3	30
Jumlah	10	100

Daripada jadual di atas menunjukkan bahawa 70% daripada sekolah yang menjadi sampel kajian penulis telah mengadakan program pengajian komputer. Manakala 30% lagi belum dan masih dalam proses ke arah melaksanakannya. Walau bagaimanapun kebanyakan sekolah-sekolah di kawasan bandar telah pun mempunyai kelab komputer sekolah.

Ini juga bukan bermakna wujudnya suatu pemisahan yang ketara di antara sekolah-sekolah di bandar, pinggir bandar serta luar bandar kerana terdapat juga sekolah-sekolah yang terletak di pinggir dan luar bandar seperti Sekolah Menengah Tanah Merah dan Sekolah Menengah Ayer Lanas yang telah lama mewujudkan kelas pengajian komputer kepada pelajar-pelajar.

Namun begitu mungkin terdapat faktor-faktor lain yang telah menyebabkan sesetengah sekolah di Kelantan lambat mengadakan program pengajian komputer. Antara faktor-faktor tersebut ialah faktor pentadbiran sekolah itu sendiri, jarak antara sekolah dan bandar utama, peruntukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan seumpamanya seperti yang telah diberitahu kepada penulis melalui sesi temubual dengan pihak pentadbir sekolah-sekolah yang terlibat.

Manakala kebanyakannya perisian pengajian komputer yang diajar kepada pelajar di sekolah-sekolah kajian ialah Program Word Star dan Windows 95. Terdapat juga sekolah-sekolah yang menyediakan pelajaran Internet kepada pelajar melalui kelab komputer sekolah antaranya Sekolah Menengah Zainab yang terletak di bandar Kota Bharu. Mengikut temubual yang dijalankan oleh penulis dengan salah seorang guru komputer di Sekolah Menengah Zainab iantu Encik Mokhtar (1), mengikut beliau kebanyakannya pelajaran Internet yang disediakan kepada pelajar di sekolah adalah atas insiatif kelab komputer sekolah sendiri di samping peruntukan kewangan yang kukuh dan komitmen pihak pentadbir sekolah.

Untuk kajian seterusnya penulis akan menganalisa data yang diperolehi dengan memberikan huraian secara terperinci kepada kedua-dua bahagian iaitu analisa bagi sekolah-sekolah kajian yang mempunyai program pengajian komputer atau kelab komputer sekolah dan sebaliknya. Jumlah pelajar sebagai responden bagi sekolah-sekolah yang mempunyai kelab komputer ialah seramai 140 orang manakala jumlah pelajar sebagai

responden bagi sekolah-sekolah yang tidak ada program pengajian komputer ialah seramai 60 orang. Jumlah keseluruhan sampel kajian adalah seramai 200 orang pelajar yang terdiri dari pelbagai tingkatan dari 10 buah sekolah di seluruh Negeri Kelantan.

4.1 SEKOLAH-SEKOLAH KAJIAN YANG MEMPUNYAI PROGRAM PENGAJIAN KOMPUTER ATAU KELAB KOMPUTER SEKOLAH

Di bahagian ini penulis akan menumpukan huriaian kepada sekolah-sekolah kajian yang mempunyai program pengajian komputer yang dianjurkan oleh kelab komputer sekolah. Sekolah-sekolah ini adalah tujuh buah sekolah iaitu termasuk Sekolah Menengah Zainab, Sekolah Menengah Tanjong Mas, Sekolah Menengah Panglima Raja, Sekolah Menengah Chetok, Sekolah Menengah Kebangsaan Machang, Sekolah Menengah Tanah Merah dan Sekolah Menengah Ayer Lanas.

Manakala jumlah komputer yang dibekalkan oleh setiap buah sekolah untuk kegunaan pelajar adalah bergantung kepada jenis sumbangan yang diperolehi oleh sekolah tersebut. Sumbangan-sumbangan ini selalunya didapati sama ada melalui bantuan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan ataupun melalui inisiatif pihak kelab komputer sekolah.

Bagi sekolah-sekolah kajian yang terlibat secara langsung dengan projek rintis pengajian pengenalan komputer oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah dibekalkan dengan jumlah komputer sebanyak 21 buah bagi setiap sekolah. Manakala bagi sekolah-sekolah kajian yang tidak mendapat sumbangan daripada Jabatan Pendidikan Negeri

Kelantan rata-rata jumlah komputer yang terdapat di sekolah tersebut adalah di antara 15 hingga 22 buah.

Ini adalah bergantung kepada inisiatif kelab komputer sekolah dengan bantuan dan sumbangan daripada PIBG sekolah, syarikat-syarikat swasta dan juga orang perseorangan. Jadual di bawah dengan jelas lagi menunjukkan jumlah dan sumbangan komputer yang dibekalkan di sekolah-sekolah kajian.

Jumlah Komputer di Sekolah-sekolah Kajian Yang Mempunyai Program Pengajian Komputer/Kelab Komputer Sekolah

JADUAL 6

Bil	Sekolah	Sumbangan	Jumlah komputer
1	S.M Zainab	Kelab komputer(PIBG)	22
2	S.M.Tanjong Mas	Kelab Komputer (PIBG)	18
3	S.M.Panglima Raja	Jab.Pend.K'tan	21
4	S.M.Chetok	Jab.Pend.K'tan	21
5	S.M.Keb.Machang	Kelab Komputer(PIBG)	15
6	S.M.Tanah Merah	Jab.Pend.K'tan	21
7	S.M. Ayer Lanas	Jab.Pend.K'tan	21

Berdasarkan kepada jadual di atas menunjukkan bahawa Sekolah Menengah Zainab mencatatkan jumlah tertinggi komputer yang bekalkan oleh kelab komputer sekolah bagi kemudahan pelajar. Manakala sekolah-sekolah yang menerima bantuan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan pula seperti Sekolah Menengah Panglima Raja, Sekolah Menengah Chetok, Sekolah Menengah Tanah Merah dan Sekolah Menengah Ayer Lanas mempunyai 21 buah komputer, diikuti oleh Sekolah Menengah Tanjung Mas yang

mempunyai 18 buah komputer. Manakala Sekolah Menengah Kebangsaan Machang pula membekalkan 15 buah komputer untuk pengajian komputer.

Kesimpulannya jumlah komputer yang dibekalkan di sekolah-sekolah kajian adalah sama ada melalui sumbangan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan juga atas inisiatif kelab komputer sekolah sendiri.

4.1.1 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar Menggunakan Komputer di Sekolah

Daripada kajian penulis terdapat banyak faktor yang mempengaruhi minat pelajar menggunakan komputer di sekolah. Faktor-faktor tersebut sama ada mendorong atau menghalang minat pelajar dari mengikuti kelas yang dianjurkan oleh kelab komputer sekolah adalah berbeza antara sekolah-sekolah yang menjadi sampel kajian penulis.

Penginapan Pelajar Semasa Persekolahan

JADUAL 7


Penginapan semasa persekolahan	Bil	Peratus
Rumah	136	97
Asrama	4	3
Jumlah	140	100

Jadual di atas membuktikan seramai 136 orang pelajar atau 97% daripada responden di sekolah-sekolah kajian yang mempunyai program pengajian komputer tinggal di rumah. Manakala selebihnya hanya 4 orang pelajar atau 3% daripada responden yang tinggal di asrama.

Ini menunjukkan bahawa ramai daripada pelajar sekolah-sekolah tersebut yang tinggal di rumah berbanding dengan yang tinggal di asrama. Faktor ini juga mungkin sedikit-sebanyak mempengaruhi minat mereka untuk belajar komputer terutamanya di luar waktu persekolahan.

Jarak Antara Rumah Pelajar Dengan Sekolah

GAMBARAJAH 1



Daripada analisa yang dibuat oleh penulis, sebanyak 79 atau 57% responden yang tinggal di antara jarak 1-3 km dari sekolah. Manakala seramai 44 atau 31% responden

yang tinggal di antara jarak 4-10 km. Terdapat 3 atau 2% sahaja responden yang tinggal antara jarak 11-15 km. Seramai 7 atau 5% sahaja responden yang tinggal di antara jarak 16-20 dan 21 km lebih.

Secara keseluruhannya lebih ramai pelajar yang tinggal berhampiran dengan sekolah berbanding dengan pelajar yang tinggal jauh dari sekolah. Walau bagaimanapun faktor jarak ini sama ada jauh atau dekat, penulis mendapati bahawa bukan menjadi faktor yang mempengaruhi minat pelajar untuk menghadiri kelas yang dianjurkan oleh kelab komputer kerana rata-rata pelajar di sekolah yang menjadi sampel kajian menunjukkan bahawa mereka mungkin tidak bermingat menghadiri kelas komputer selepas waktu persekolahan walaupun jarak antara rumah mereka dekat dengan sekolah. Ini mungkin disebabkan oleh faktor lain yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut selepas ini.

Ini dapat dibuktikan daripada kajian penulis bahawa pelajar yang menjadi ahli kelab komputer di sekolah-sekolah yang menjadi sampel kajian secara keseluruhannya hanyalah 53% sahaja berbanding dengan pelajar yang tidak mengikuti kelab komputer seramai 47%.

Manakala daripada 74 orang pelajar yang menjadi ahli kelab komputer tidak menunjukkan kehadiran seratus peratus di mana 78% pelajar sahaja yang kerap menghadiri kelas dan selebihnya tidak menghadiri kelas walau pun mereka menjadi ahli kelab komputer. Secara tak langsung berdasarkan kepada peratusan ini diperolehi, penulis

membuat andaian bahawa kemungkinan besar pelajar tidak berminat untuk menyertai kelas yang dianjurkan oleh kelab komputer terutamanya di luar waktu persekolahan.

Jadual 8 dan 9 di bawah menunjukkan jumlah pelajar di sekolah-sekolah yang menjadi ahli kelab komputer dan peratusan kekerapan kehadiran mereka ke kelab tersebut.

Peratusan Pelajar Yang Menjadi ahli Kelab Komputer

JADUAL 8

Penyertaan pelajar di dalam kelab komputer	Bil	Peratus
Ahli kelab	74	53
Bukan ahli kelab	66	47
Jumlah	140	100

Peratusan Kekerapan Kehadiran Ahli Kelab Komputer

JADUAL 9

Kekerapan menghadiri kelas komputer	Bil	Peratus
Ya	58	78%
Tidak	16	22%
Jumlah	74	100

Peratusan Keputusan Keseluruhan Bahasa Inggeris dan Matematik UPSR Pelajar di Sekolah-sekolah yang Mempunyai Kelab Komputer

JADUAL 10

Keputusan UPSR	Bahasa Inggeris	%	Matematik	%
A	36	26	63	45
B	46	33	46	33
C	43	31	27	19
D	10	7	4	3
E	5	4	0	0
Jumlah	140	100	140	100


Jadual 10 di atas menunjukkan pelajar-pelajar yang mendapat keputusan A,B dan C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik masih di tahap yang baik dan mempunyai potensi untuk memahirkan diri mereka dalam pengajian komputer. Iaitu seramai 26% pelajar yang mendapat A dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan 45% pelajar yang mendapat A dalam mata pelajaran Matematik. Manakala terdapat 33% pelajar yang mendapat B dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik. Jumlah pelajar yang mendapat C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pula ialah seramai 31% pelajar manakala hanya 19% pelajar sahaja yang mendapat C dalam mata pelajaran Matematik. Manakala pelajar-pelajar yang mendapat D dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik agak berkurangan iaitu 7% dan 3% sahaja. Selebihnya adalah pelajar-pelajar yang mendapat E dalam mata pelajaran bahasa Inggeris ialah 4% sahaja dan Matematik ialah 0%.

Jumlah peratusan kelulusan yang baik dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut sedikit-sebanyak membantu pelajar dalam pengajian komputer di sekolah. Secara tak langsung, penguasaan Bahasa Inggeris dan Matematik yang baik adalah diperlukan dalam pengajian komputer. Kenyataan ini diakui sendiri oleh para pelajar yang menjadi responden kajian ini di mana majoriti responden menjawab ‘Ya’ kepada persoalan yang dikemukakan oleh penulis iaitu “ Saya berpendapat para pelajar perlu menguasai Matematik dan Bahasa Inggeris untuk membantu diri mereka dalam pengajian komputer”. Manakala hanya 11 orang atau 8% sahaja yang menjawab ‘Sedikit’. Selebihnya iatu 2 orang atau 1% yang menjawab ‘Tidak’.

Kesimpulannya penguasaan Matematik dan Bahasa Inggeris yang baik mempengaruhi minat pelajar dalam pengajian komputer kerana mereka agak sukar untuk memahami istilah-istilah komputer yang semuanya di dalam Bahasa Inggeris.

Kenyataan ini dapat sokong dengan data yang telah dianalisa oleh penulis melalui jadual di bawah di mana seramai 64% responden menyatakan ‘Ya’ kepada persoalan yang berbunyi “ Saya mendapati sukar menggunakan komputer.” Manakala 21% responden sahaja yang menjawab ‘Sedikit dan selebihnya adalah mereka yang menjawab ‘Tidak’.

Peratusan Kesukaran Pelajar Dalam Pengajian Komputer



Yuran Penyertaan Kelab Komputer

JADUAL 11


Jumlah yuran membebankan	Bil	Peratus
Ya	80	57%
Tidak	60	43%
Jumlah	140	100

Kesemua sekolah yang mengadakan kelab komputer mengenakan yuran ahli kepada pelajar yang ingin menyertai kelab. Daripada soalan yang telah dikemukakan oleh penulis, keseluruhan pelajar di sekolah-sekolah kajian menyatakan bahawa mereka dikenakan bayaran yuran kelab. Jumlah yuran tersebut adalah bergantung kepada pihak pentadbiran kelab.

Seramai 57% responden menyatakan yuran yang dikenakan oleh kelab komputer agak membebankan mereka. Manakala 43% responden pula memberikan tindak balas yang positif. Jawapan ini sekaligus menggambarkan bahawa faktor yuran ini juga sedikit-sebanyak mungkin mempengaruhi minat pelajar untuk menyertai kelas komputer yang dianjurkan oleh kelab komputer sekolah.

Galakan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Komputer

GAMBARAJAH 3



Galakan dan dorongan ibu bapa juga penting ke arah menggalakkan pelajar menggunakan komputer dalam pengajian mereka. Dapatan yang diperolehi oleh penulis di dalam gambarajah 3 menunjukkan terdapat galakan yang diberikan oleh ibu bapa kepada pelajar tetapi peratusan tersebut agak tidak memberangsangkan di mana yang memberi galakan penuh terhadap penggunaan komputer hanya 61%, manakala yang memberi galakan sedikit adalah 21% dan selebihnya adalah yang langsung tidak memberi galakan.

Fenomena ini secara tak langsung mungkin mempengaruhi minat pelajar untuk mempelajari komputer di sekolah. Ini kerana ibu bapa adalah orang yang paling hampir kepada mereka dan boleh menentukan masa depan mereka.

Tahap Pendidikan Ibu bapa Pelajar

JADUAL 12

Tahap pendidikan	Bapa	%	Ibu	%
Sekolah rendah	36	26	39	28
Sijil Rendah Pelajaran	25	18	24	17
Sijil Pelajaran Malaysia	35	25	38	27
Sijil Tinggi Pelajaran	20	14	21	15
Universiti	17	12	7	5
Tidak mendapat pendidikan	7	5	11	8
Jumlah	140	100	140	100


Jadual di atas menunjukkan bahawa peratusan pendidikan bapa dan ibu para pelajar sekolah-sekolah kajian adalah terdiri daripada mereka yang berkelulusan sekolah rendah iaitu 26% dan 28%. Manakala yang mendapat pendidikan tinggi (Universiti) adalah 12% dan 5%. Bagi kelulusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) adalah seramai 18% dan 17% dan masing-masing sebanyak 25% dan 27% berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Manakala yang berkelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) adalah sebanyak 14% dan 15% dan selebihnya tidak mendapat pendidikan langsung.

Kesimpulannya, ini bermakna bahawa peratusan ibu bapa yang mendapat pendidikan rendah mengatasi ibu bapa yang mendapat pendidikan tinggi. Faktor ini mungkin menyebabkan pelajar kurang mendapat galakan daripada ibu bapa, ini berdasarkan kepada

tahap pendidikan mereka. Penulis membuat andaian bahawa mereka sendiri tidak mendapat pendedahan tentang penggunaan komputer.

Pengetahuan Ibu Bapa Mengenai Komputer

GAMBARAJAH 4



Namun begitu merujuk kepada gambarajah 4 seramai 72% daripada ibu bapa yang tidak mengetahui langsung tentang penggunaan komputer. Manakala seramai 21% ibu bapa yang hanya mengetahui sedikit tentang penggunaan komputer dan hanya 7% ibu bapa sahaja yang tahu menggunakan komputer.

Daripada sini penulis membuat kesimpulan bahawa faktor kurangnya pengetahuan ibu bapa tentang komputer juga mungkin mempengaruhi galakan mereka kepada anak-anak iaitu merujuk kepada gambarajah 3 hanya terdapat 61% ibu bapa saja yang memberikan galakan penuh kepada anak-anak untuk mempelajari komputer.

Kemudahan Komputer Di Rumah

JADUAL 13

Ibu bapa menyediakan komputer di rumah	Bil	Peratus
Ya	14	10%
Tidak	126	90%
Jumlah	140	100

Merujuk kepada jadual di atas hanya sedikit sahaja ibu bapa yang menyediakan kemudahan komputer untuk anak-anak mereka di rumah iaitu seramai 10% sahaja dan selebihnya 90% yang tidak menyediakan komputer di rumah. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh faktor pendapatan ibu bapa yang rata-rata adalah di bawah lima ratus ringgit sebulan. Seramai 40% bapa yang mempunyai pendapatan di bawah RM500.00 dan 68% ibu yang tidak mempunyai pendapatan langsung. Manakala bapa yang berpendapatan RM1,000.00 ke atas adalah seramai 17% orang sahaja dan jumlah ibu yang mempunyai pendapatan lebih dari RM1,000.00 pula hanyalah 9% orang sahaja. Selebihnya adalah pendapatan bapa dan ibu di antara RM500.00 - RM1,000.00 sebulan. Jumlah ini dapat ditunjukkan dalam jadual 14 di bawah.

Kemampuan Ibu Bapa

JADUAL 14

Jumlah pendapatan	Bapa	%	Ibu	%
<500	56	40	18	13
500 - 1000	59	42	15	11
>1000	23	17	12	9
Tidak ada pendapatan	2	1	95	67
Jumlah	140	100	140	100

Secara kesimpulannya faktor kemampuan yang agak kurang di kalangan ibu bapa pelajar-pelajar di Kelantan mungkin menghalang kebanyakan ibu bapa daripada menyediakan kemudahan komputer kepada anak-anak mereka di rumah. Dalam hal ini penulis membuat analisa bahawa faktor kemampuan ibu bapa dari sudut ekonomi secara tak langsung berkait dengan kegagalan mereka untuk menyediakan kemudahan komputer untuk anak-anak di mana 10% sahaja ibu bapa yang berbuat demikian seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 13.

Galakan Guru Terhadap Penggunaan Komputer

JADUAL 15

Galakan guru	Bil	Peratus
Ya	140	100
Sedikit	0	0
Tidak	0	0
Jumlah	140	100

Manakala merujuk kepada faktor guru, penulis mendapati bahawa majoriti pelajar menyatakan bahawa guru-guru memberikan galakan kepada mereka tentang penggunaan komputer dan kepentingan mempelajarinya. Ini dapat ditunjukkan dalam jadual di atas. Namun begitu pada pandangan penulis pula, galakan tersebut masih belum mencukupi memandangkan usaha-usaha memberikan penerangan tentang kepentingan menggunakan komputer secara berterusan dan kekal agak sedikit.

Keadaan ini dapat dilihat daripada jadual di bawah yang menunjukkan bahawa hanya seramai 69 orang atau 49% orang pelajar yang menjawab ‘Ya’ pada persoalan penulis yang berbunyi “Adakah guru anda menyediakan risalah mengenai komputer di sekolah?” Jumlah yang menjawab ‘sedikit’ pada persoalan tersebut melebihi sebanyak 2% iaitu

seramai 71 orang berbanding dengan responden yang menjawab ‘Ya’. Manakala jumlah responden yang menjawab ‘tidak’ adalah 0%.

Keadaan ini menunjukkan bahawa galakan daripada guru masih belum mencapai tahap optima iaitu yang benar-benar memberi kesan positif kepada minat pelajar untuk mempelajari komputer.

Penyediaan Risalah Mengenai Komputer Oleh Guru

JADUAL 16

Guru menyediakan risalah	Bil	Peratus
Ya	69	49
Sedikit	71	51
Tidak	0	0
Jumlah	140	100

4.1.2 PERLAKSANAAN PROGRAM PENGAJIAN KOMPUTER OLEH KELAB KOMPUTER DI SEKOLAH-SEKOLAH KAJIAN

Kemudahan Komputer di Sekolah

Mengikut data yang telah dianalisa oleh penulis mendapati bahawa jumlah komputer-komputer yang dibekalkan di sekolah-sekolah kajian adalah sama ada oleh Jabatan Pendidikan Kelantan dan juga atas inisiatif kelab komputer sekolah melalui sumbangan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), syarikat-syarikat swasta dan orang perseorangan.

Mengikut temubual yang telah dibuat oleh penulis dengan salah seorang guru kanan mata pelajaran literasi komputer dan juga selaku guru kelab komputer Sekolah Menengah Tanah Merah, Kelantan iaitu Encik Wan Ahmad (2) menyatakan bahawa terdapat sekolah-sekolah di Kelantan yang telah lama terlibat dengan projek literasi komputer oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga kelab komputer sekolah. Kesemua pelajar-pelajar tingkatan satu dan dua diwajibkan mengambil mata pelajaran komputer dan dikira sebagai salah satu mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah berkenaan. Ini bermakna program literasi komputer telah berjalan seperti yang telah dijadualkan di samping pelbagai aktiviti oleh kelab komputer sekolah.

Walau bagaimanapun daripada tinjauan penulis, majoriti pelajar mengatakan komputer yang dibekalkan di sekolah-sekolah mereka adalah tidak mencukupi terutama sekolah-sekolah yang mempunyai jumlah komputer yang sedikit dan secara langsung terlibat dengan program formal pengajian literasi komputer dan juga kelab komputer.

Daripada analisis yang telah dibuat bahawa seramai 82% responden menjawab ‘Tidak’ kepada persoalan penulis yang berbunyi “Adakah jumlah komputer di kelab komputer sekolah anda mencukupi?”. Manakala hanya 18% responden sahaja yang menjawab ‘Ya’.

Ini diperkuat lagi daripada temubual spontan penulis dengan responden-responden terutama di sekolah-sekolah yang mempunyai jumlah komputer yang kecil di mana mereka menyatakan bahawa terpaksa berkongsi komputer dan menunggu giliran untuk menggunakan komputer. Ini diakui juga oleh sesetengah guru kelab komputer sekolah-sekolah berkenaan di mana kemungkinan besar mengikut pendapat mereka, faktor komputer tidak mencukupi dan pelajar terpaksa berkongsi komputer ini menjadi satu alasan kepada pelajar dari tidak menghadiri kelas komputer yang dianjurkan oleh kelab komputer selepas waktu persekolahan.

Jadual 17 menunjukkan peratusan pelajar yang memberi komen tentang kemudahan komputer yang disediakan di sekolah.

Kemudahan Komputer di Sekolah

JADUAL 17

Kemudahan komputer mencukupi	Bil	Peratus
Ya	25	18
Tidak	115	82
Jumlah	140	100

Guru Terlatih dalam Bidang Komputer

JADUAL 18

Guru mahir dalam bidang komputer	Bil	Peratus
Ya	120	86
Sedikit	20	14
Tidak	0	0
Jumlah	140	100

Jadual di atas menunjukkan bahawa majoriti pelajar menyatakan bahawa guru-guru mereka adalah terlatih dalam bidang komputer. Iaitu seramai 86% responden yang

menjawab ‘Ya’ kepada soalan yang berbunyi “Adakah di sekolah anda terdapat guru terlatih dalam bidang komputer?” Manakala 14% responden sahaja yang menjawab ‘Sedikit’ dan 0% menjawab ‘Tidak’.

Keadaan ini menunjukkan bahawa perlaksanaan program pengajian komputer oleh kelab komputer adalah berjalan lancar kerana diketuai dan dikendalikan oleh guru-guru yang betul-betul berkelayakan dalam bidang tersebut. Ini dipersetujui lagi daripada jawapan temubual penulis dengan guru-guru kelab komputer sekolah-sekolah kajian di mana majoriti mereka juga bersetuju dengan jawapan pelajar kerana untuk mengajar komputer dan sekaligus mengendalikan kelab komputer mereka terpaksa menjalani kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang di samping kelulusan akademik dalam bidang berkaitan.

4.1.3 PENGETAHUAN PELAJAR TENTANG PENGGUNAAN KOMPUTER

Daripada soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh penulis bagi meninjau sejauhmanakah pengetahuan pelajar tentang penggunaan komputer secara keseluruhannya penulis mendapati bahawa tahap pengetahuan pelajar mengenai penggunaan komputer adalah tidak begitu baik dan kurang memuaskan. Ini dapat dibuktikan melalui peratusan jawapan daripada persoalan yang telah didapati oleh penulis seperti di dalam jadual 19.

JADUAL 19

Soalan-Soalan Kajian	Ya	%	Sedikit	%	Tidak	%	Jum
1. Saya tahu menggunakan Komputer	32	23	101	72	7	5	140
2. Adakah anda menggunakan komputer selain dari sekolah	14	10	0	0	126	90	140
3. Saya tidak tahu menggunakan komputer dengan baik	91	65	14	10	35	25	140
4. Kejayaan di sekolah tidak ada kena mengena dengan kebolehan menggunakan komputer	98	70	14	10	28	20	140

Daripada soalan pertama seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di atas penulis membuat analisa bahawa hanya terdapat 32 orang responden yang tahu menggunakan komputer, manakala 101 responden yang mempunyai pengetahuan sedikit mengenai penggunaan komputer dan selebihnya adalah tidak mengetahui langsung tentang komputer. Ini bermakna pelajar-pelajar yang tahu menggunakan komputer hanyalah rendah bilangannya berbanding dengan pelajar-pelajar yang mempunyai pengetahuan sedikit serta tidak mengetahui langsung tentang komputer.

Manakala daripada soalan kedua seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di atas, penulis mendapati bahawa ramai pelajar tidak mempelajari komputer di luar selain daripada sekolah iaitu melebihi sebanyak 80% berbanding dengan pelajar yang menggunakan komputer di luar sekolah iaitu sebanyak 10%..

Soalan ketiga yang telah dikemukakan oleh penulis seperti di dalam jadual di atas menunjukkan bahawa bilangan pelajar yang menjawab ‘Ya’ adalah seramai 65%, manakala yang menjawab ‘Sedikit’ ialah seramai 10% dan 25% adalah menjawab ‘Tidak’. Ini menunjukkan bahawa ramai pelajar yang tidak tahu menggunakan komputer dengan baik.

Ini diperkuatkan lagi oleh data yang telah dianalisa oleh penulis melalui soalan keempat seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di atas di mana 60% responden yang menjawab ‘Ya’ kepada soalan yang berbunyi “kejayaan di sekolah tidak ada kena mengena dengan kebolehan menggunakan komputer”. Iaitu seramai 25% responden sahaja yang menjawab ‘Sedikit’ manakala selebihnya adalah 15% menjawab ‘Tidak’.

Daripada gambaran ini penulis membuat kesimpulan bahawa pelajar-pelajar di sekolah-sekolah yang menjadi sampel kajian tidak begitu mengambil berat tentang penggunaan komputer kerana rata-rata mereka berpendapat bahawa kejayaan di sekolah adalah tidak ada kena-mengena dengan kebolehan menggunakan komputer. Bahkan pengetahuan mereka tentang penggunaan komputer masih di tahap yang rendah dan perlu diambil inisiatif oleh pihak-pihak yang berwajib.

4.2 SEKOLAH-SEKOLAH YANG TIDAK MEMPUNYAI PROGRAM PENGAJIAN KOMPUTER ATAU KELAB KOMPUTER

Daripada kajian yang dibuat oleh penulis menggambarkan bahawa tidak kesemua sekolah-sekolah kajian mempunyai program pengajian komputer atau kelab komputer tetapi bilangannya tidak begitu besar dan hanya terdapat sebilangan kecil sekolah-sekolah terutamanya yang terletak di kawasan pinggir dan luar bandar yang belum mewujudkan kelab komputer dan masih lagi dalam usaha untuk mengadakannya.

Mengikut analisa penulis, terdapat tiga daripada 10 buah sekolah yang menjadi sampel kajian masih belum mempunyai program pengajian komputer atau kelab komputer sekolah. Sekolah-sekolah tersebut termasuklah Sekolah Menengah Jeli, Sekolah Menengah Alor Pasir Tanah Merah dan Sekolah Menengah Wakaf Bharu Tumpat yang rata-rata terletak di kawasan pinggir dan luar bandar. Manakala jumlah pelajar yang menjadi responden kepada sampel kajian di bahagian ini ialah 60 orang daripada jumlah keseluruhan responden yang berjumlah 200 orang.

Berdasarkan kepada apa yang telah dijelaskan kepada penulis melalui sesi temubual dengan pihak sekolah terlibat pada awal tahun 1997, mereka sedang berusaha untuk mendapatkan sumbangan daripada pelbagai pihak untuk melaksanakan kelab komputer dan pengajian komputer kepada pelajar-pelajar.

Atas inisiatif itu, Jabatan Pendidikan Kelantan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia akan membekalkan sejumlah perkakasan komputer secara serentak kepada sekolah-sekolah di Kelantan yang belum mewujudkan program pengajian komputer termasuklah Sekolah Menengah Jeli dan Sekolah Menengah Wakaf Bharu pada penghujung tahun 1997 atau pada awal tahun 1998. (3)

Di dalam bahagian ini penulis juga akan memaparkan hasil kajian yang telah dibuat mengenai data-data yang telah diperolehi di sekolah-sekolah kajian yang belum lagi mewujudkan program pengajian komputer atau kelab komputer kepada pelajar.

Pelajar Memerlukan Kelab Komputer

JADUAL 20

Pelajar perlu kelab komputer	Bil	Peratus
Ya	60	100
Tidak	0	0
Jumlah	60	100

Jadual di atas menunjukkan bahawa kesemua pelajar di ketiga-tiga buah sekolah yang tidak ada program pengajian komputer mengatakan mereka memerlukan kelab komputer di sekolah. Kesimpulannya kesemua pelajar menyokong supaya pihak sekolah mengambil

inisiatif tertentu untuk mewujudkan kelab komputer supaya pelajar-pelajar tidak akan ketinggalan dalam arus perkembangan teknologi komputer.

Peratusan Pelajar Yang Pernah Menggunakan Komputer

JADUAL 21

Pelajar yang pernah guna komputer	Bil	Peratus
Ya	29	48
Tidak	31	52
Jumlah	60	100

Jadual di atas menunjukkan jumlah peratusan pelajar yang pernah menggunakan komputer iaitu seramai 48% responden manakala yang tidak pernah ialah seramai 52% responden. Daripada analisa di atas, penulis membuat kesimpulan bahawa sebanyak 52% pelajar di sekolah-sekolah kajian yang belum didedahkan kepada penggunaan komputer. Keadaan ini sekaligus boleh menggambarkan fenomena pelajar-pelajar di sekolah-sekolah kajian di Kelantan dari sudut pengetahuan komputer.

Namun begitu perbezaan peratusan di antara pelajar yang pernah dan tidak pernah menggunakan komputer adalah tidak begitu ketara hanya 4% sahaja. Keadaan ini

menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di sekolah-sekolah kajian masih berusaha sendiri untuk mempelajari komputer.

Secara kesimpulannya penulis berpendapat pada dasarnya peratusan ini kelihatan sedikit tetapi perlu dipandang serius oleh pihak pentadbir sekolah-sekolah berkenaan supaya pelajar-pelajar mereka tidak ketinggalan dalam mempelajari dan menguasai ilmu komputer.

Cadangan Pelajar Supaya Diadakan Kelab Komputer

JADUAL 22

Cadangan perlu diadakan kelab	Bil	Peratus
Ya	31	52
Tidak	29	48
Jumlah	60	100

Memandangkan kepada sambutan positif sekolah-sekolah di Negeri Kelantan terhadap perkembangan teknologi komputer, penulis cuba meninjau pandangan sekolah-sekolah kajian yang belum mempunyai program pengajian komputer atau kelab komputer mengenai perancangan dan tindak-balas mereka terhadap perkembangan tersebut.

Jadual di atas menunjukkan bahawa seramai 52% responden yang menjawab ‘Ya’ kepada persoalan penulis yang berbunyi “Adakah anda pernah mengemukakan cadangan supaya diadakan kelab komputer di sekolah?”. Manakala 48% responden yang menjawab ‘Tidak’.

Kesimpulannya daripada analisa yang telah dibuat oleh penulis mendapati bahawa rata-rata pelajar pernah mengemukakan cadangan kepada pihak pentadbir sekolah mereka supaya diadakan kelab komputer atau pengajian komputer. Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa para pelajar memberi sokongan dan tindak balas yang baik supaya diadakan program pengajian komputer di sekolah. Kemungkinan besar terdapat faktor-faktor lain yang akan dihuraikan oleh penulis selepas ini yang antaranya menyebabkan sesetengah sekolah menengah di Negeri Kelantan lambat mewujudkan kelab komputer atau menyediakan pengajian komputer kepada pelajar.

Fakta ini pula disokong lagi dengan jawapan pelajar yang merasakan perlu menggunakan komputer dalam pembelajaran mereka di sekolah. Keseluruhan pelajar menjawab ‘Ya’ kepada persoalan penulis yang berbunyi “Adakah anda merasakan perlu menggunakan komputer dalam pembelajaran di sekolah?”.

Secara tak langsung daripada gambaran di atas penulis membuat kesimpulan bahawa komputer boleh digunakan oleh pelajar sebagai alat bantu dalam menghadapi pembelajaran. Kenyataan ini dapat ditunjukkan melalui jadual 23.

Pelajar Memerlukan Komputer Sebagai Alat bantu

JADUAL 23

Perlu Komputer sebagai alat bantu	Bil	Peratus
Ya	60	100
Tidak	0	0
Jumlah	60	100

RUJUKAN

- 1) **En. Mokhtar bin Ibrahim**, Guru Komputer Sekolah Menengah Zainab Kota Bharu.
Temubual pada 9hb. September 1997, pada pukul 11.30 pagi.
- 2) **En. Wan Ahmad bin Wan Karim**, Guru komputer Sekolah Menengah Tanah Merah.
Temubual pada 13hb. September 1997, pada pukul 11.45 pagi.
- 3) **En. Abdul Aziz Mohamad**, Pengetua Sekolah Menengah Wakaf Bharu Tumpat.
Temubual pada 11 hb. September 1997, pada pukul 11.00 pagi.